

Ariff atau Saiful jadi pilihan?



SINGAPURA - Mohd. Ariff Farhan Mohd. Isa dan Saiful Ridzuwan Selamat bersedia menggalas kekosongan yang ditinggalkan Mohd. Nazmi Faiz Mansor seandainya menjadi pilihan jurulatih bola sepak, Datuk On Kim Swee untuk menghadapi Vietnam dalam aksi kedua Sukan SEA, hari ini.

Walaupun sedar pemain pasti akan membandingkan mereka dengan Nazmi yang dianggap pemain paling kreatif dalam pasukan, Ariff atau Saiful tiada rasa sangsi terhadap keupayaan diri sendiri bagi menggalas tanggungjawab penting untuk mencari kemenangan.

Bagi Ariff, 19, yang berasal Pokok Sena, Kedah, walaupun dia merupakan pemain paling muda dalam pasukan, namun perkara itu tidak menggentarkannya untuk diturunkan.

Malah, semangatnya nyata membuka-buka untuk membala denda terhadap kekalahan kepada Vietnam pada pusingan kelayakan Piala AFC Bawah 23, Mac lalu.

"Walaupun ini merupakan Sukan SEA pertama saya, namun saya bersedia jika jurulatih memilih saya. Tidak kisahlah sama ada beraksi di posisi tengah atau bahagian lain, saya bersedia membala kepercayaan jurulatih.

"Kekalahan kepada Vietnam pada kelayakan Piala AFC Bawah 23 lalu masih menghantui saya. Ia menyebabkan kami tidak layak ke pusingan akhir, malah sebelum itu kami turut tewas kepada mereka pada Piala Newspaper, tahun lalu.

"Jadi, berdepan Vietnam buat kali ketiga, takkan kami hendak kalah lagi kepada mereka dan ini medan terbaik memadamkan kekecewaan."

"Saya memang tertunggu-tunggu saat ini, kalau saya diturunkan esok (hari ini)," kata Ariff yang ditemui selepas sesi latihan skuad negara, semalam.

Sementara itu, Saiful yang tiba ke Singapura selaku pemain terakhir kerana baru menduduki periksaan akhir semester di Universiti Putra Malaysia (UPM), ia bukan menjadi satu masalah besar sekiranya dia dimasukkan dalam kesebelasan utama.

Faktor kecergasan pelajar jurusan Sains Sukan UPM itu sebelum ini menjadi persoalan kerana dia jarang diturunkan bersama Selangor.

Menurut pemain yang lebih mesra dengan panggilan Wak, pengalaman pernah beraksi dengan Gary Steven Robbat dan Amirul Hisyam Awang Kechik menjadi ke-



SAIFUL RIDZUWAN



MOHD. ARIFF FARHAN MOHD. ISA



Walaupun ini merupakan Sukan SEA pertama, saya tidak akan ambil mudah dan jika jurulatih memilih saya, tidak kisah sama di posisi tengah atau bahagian lain, saya bersedia membala kepercayaan jurulatih.

MOHD. ARIFF FARHAN MOHD. ISA PEMAIN B23 NEGARA

lebihan buat dirinya untuk cepat menyesuaikan diri.

Malah, dia juga sudah biasa de-

ngan permainan serta sistem yang diterapkan oleh Kim Swee, namun dia tetap dia tidak mahu dibandingkan dengan Nazmi.

"Jika orang ada hendak membandingkan saya dengan Nazmi, itu terpulang kepada mereka namun saya ada cara tersendiri, apa yang penting ialah saya mampu melaksanakan tugas yang diberikan oleh jurulatih."

"Tiada tekanan kerana telah melakukan persediaan rapi sebelum datang ke sini dan sekiranya jurulatih menurunkan saya, itu bukan satu masalah besar kerana semasa di Liga Australia, saya kerap bermain bersama Gary dan Amirul."

"Menentang Vietnam yang merupakan lawan cukup pantas di sebelah kiri dan kanan, selain memiliki kawalan bola yang baik di bahagian tengah, saya rasa jurulatih pasti ada perancangan is-